



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 20 JANUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 20 Januari 2021;

- Kes sembuh : **2,374 kes** (127,662 kes kumulatif);
- Kes baharu : **4,008 kes** (169,379 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (5 warganegara);
- Kes tempatan : **4,003 kes** [2,802 warganegara (70.0%); 1,201 bukan warganegara (30.0%)];
- Kes aktif : **41,087 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **246 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **96 kes**; dan
- Kes kematian : **11 kes** (630 kes kumulatif)

Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,391 kes (34.7 peratus)**. Daripada jumlah ini,

sebanyak **1,061 kes (76.3 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **513 kes (12.8 peratus)**, dan Johor sebanyak **470 kes (11.7 peratus)**.

Sebanyak **113 kes (2.8 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (48 kes), Kluster Tembok Nanas (45 kes), Kluster Tembok Mempaga (6 kes), Kluster Telok Mas (5 kes), Kluster Tembok Kemus (5 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), dan Kluster Damai Pelangi (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan empat (4) kes dari Selangor, masing-masing tiga (3) kes dari Sabah dan Johor, serta satu (1) kes dari Sarawak dengan sembilan (9) warganegara dan dua (2) bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 20 Januari 2021;

- Jumlah kluster : **685 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **16 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **367 kluster** (termasuk **tiga (3)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Domis, Kluster Tinusa, dan Kluster Delima**);
- Jumlah kluster aktif : **318 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **84 kluster**;
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Muda (237 kes), Kluster Tapak Bina Jalan Zuhrah (175 kes), dan Kluster Pasai (139 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **16 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini. Berikut adalah ringkasan bagi kluster-kluster tersebut;

No	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Bestari Rantau	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan KKIP Selatan	Sabah	Tempat Kerja
3	Tapak Bina Jalan Abdul Aziz	Selangor	Tempat Kerja
4	Tapak Bina Jalan Digital	Johor, Terengganu	Tempat Kerja
5	Tampoi Lima	Johor	Tempat Kerja
6	Jalan Seroja	Johor	Tempat Kerja
7	Persiaran Tasek	Perak	Tempat Kerja
8	Jalan Usaha	Melaka	Tempat Kerja
9	Sungai Ibor	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
10	Tapak Bina Bukit Sebukor	Melaka	Tempat Kerja
11	Jalan Sejahtera	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
12	Batu Enam	Perak	Komuniti
13	Bukit Gelugor	Pahang	Komuniti
14	Jalan Niaga	Johor	Komuniti
15	Kampung Balibata	Sabah	Komuniti
16	Sawmill Luit	Pahang	Komuniti

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

20 Januari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 20 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,391 (1)	50,636
<b>SABAH</b>	406	45,008
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	513 (4)	19,411
<b>JOHOR</b>	470	14,539
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	176	10,430
<b>PULAU PINANG</b>	124	6,540
<b>PERAK</b>	170	4,786
<b>KEDAH</b>	142	4,667
<b>SARAWAK</b>	203	2,570
<b>KELANTAN</b>	121	2,387
<b>PAHANG</b>	52	2,370
<b>MELAKA</b>	132	2,370
<b>WP LABUAN</b>	1	1,919
<b>TERENGGANU</b>	81	989
<b>WP PUTRAJAYA</b>	23	637
<b>PERLIS</b>	3	120
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,008 (5)</b>	<b>169,379</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 4,008 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 20 Januari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 1,391 kes**

- 597 kes daripada kluster-kluster, termasuk 72 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Bestari Rantau dan Kluster Tapak Bina Jalan Abdul Aziz**;
- 464 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 329 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 513 kes**

- 152 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Sejahtera**;
- 213 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Empat (4) kes import dari luar negara; dan
- 144 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 470 kes**

- 198 kes daripada kluster-kluster, termasuk 62 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Digital, Kluster Jalan Niaga, Kluster Tampoi Lima, dan Kluster Jalan Seroja** ;
- 180 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 92 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 406 kes**

- 20 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan KKIP Selatan dan Kluster Kampung Balibata**;
- 264 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 122 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 203 kes**

- 141 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 62 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 176 kes**

- 82 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sungai Ibor**;



- 52 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 42 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 170 kes**
    - 23 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Batu Enam dan Kluster Persiaran Tasek**;
    - 97 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 50 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 142 kes**
    - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 72 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 54 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 132 kes**
    - 29 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Bukit Sebukor dan Kluster Jalan Usaha**;
    - 86 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 124 kes**
  - 38 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 53 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 33 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kelantan: 121 kes**
  - 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 84 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: 81 kes**
  - 17 kes daripada kluster sedia ada;
  - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 52 kes**
  - 28 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Sawmill Luit dan Kluster Bukit Gelugor**;
  - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 23 kes**
  - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perlis : Tiga (3) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan 11 kes kematian pada 20 Januari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
620	70532	Sabah	Perempuan (WN)	70	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
621	123243	Sabah	Lelaki (WN)	77	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Bengkak kelenjar prostat (BPH) dan gout
622	158167	Sarawak	Lelaki (WN)	42	Hospital Miri	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan hati kronik
623	159614	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, buah pinggang kronik, dan strok
624	162031	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan jantung
625	162911	Selangor	Lelaki (WN)	81	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, psoriasis, strok, buah pinggang kronik, dan <i>Cushing's Syndrome</i>
626	162917	Selangor	Lelaki (WN)	54	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-
627	163340	Sabah	Perempuan (WN)	90	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan hyperparathroidism

628	164352	Johor	Perempuan (WN)	69	Hospital Kota Tinggi	Penyakit darah tinggi dan buah pinggang kronik
629	160640	Johor	Perempuan (BWN)	69	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
630	164328	Johor	Perempuan (BWN)	72	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian 16 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER TAPAK BINA JALAN ABDUL AZIZ**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Jalan Dato Abdul Aziz, Seksyen 19, Petaling Jaya. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 172 individu telah disaring, di mana **56 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER BESTARI RANTAU**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah kilang yang terletak di Taman Bestari, Rantau Panjang, Klang. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 80 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER JALAN SEJAHTERA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 20 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah pasar raya yang terletak berdekatan dengan Jalan Sejahtera. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 93 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **4. KLUSTER TAPAK BINA JALAN DIGITAL**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai, Johor dan Hulu Terengganu, Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-141497) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Januari 2021. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja di Tapak Bina Jalan Digital yang terletak di Taman Perindustrian Kulai, Bukit Batu, Kulai. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 120 individu telah disaring, di mana **48 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **5. KLUSTER JALAN NIAGA**

Kluster ini melibatkan daerah Kota Tinggi dan Kluang di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-157463) telah dilaporkan

positif COVID-19 pada 17 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada tempat di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Niaga, Kota Tinggi. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 91 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER TAMPOI LIMA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 17 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah syarikat di Jalan Tampoi, Kawasan Perindustrian Jalan Tampoi, Johor. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 53 individu telah disaring, di mana **26 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER JALAN SEROJA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-143603) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja kilang yang tinggal di Jalan Pekeliling Seroja, Kawasan Perindustrian I-Park, Bandar Indahpura, Kulai. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah



881 individu telah disaring, di mana **10 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **8. KLUSTER JALAN KKIP SELATAN**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-149138) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 15 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada kilang tempat kerja kes indeks yang terletak di KKIP Selatan, Sepanggar, Kota Kinabalu. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 125 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **9. KLUSTER KAMPUNG BALIBATA**

Kluster ini melibatkan daerah Beaufort dan Sandakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-138593) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Januari 2021 hasil saringan sebelum rentas negeri. Kluster ini melibatkan majlis pengkebumian dan kenduri tahlil di Kampung Balibata, Beaufort. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 35 individu telah disaring, di mana **kesemua kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **10. KLUSTER SUNGAI IBOR**

Kluster ini melibatkan daerah Rembau di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-168224) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 20 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala dan mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri dari Johor. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar di sebuah institusi latihan awam yang terletak di Kampung Sungai Ibor, Pedas. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 138 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **11. KLUSTER BATU ENAM**

Kluster ini melibatkan daerah Batang Padang, Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-147149) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada tempat di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Orang Asli Batu Enam, Batang Padang. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 41 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **12. KLUSTER PERSIARAN TASEK**

Kluster ini melibatkan daerah Batang Padang, Kinta, dan Kuala Kangsar di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-150527) merupakan kes *Influenza Like Illness* (ILI) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 15 Januari 2021. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja kilang di Persiaran Tasek, *Tasek Industrial Estate*, Ipoh. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 181 individu telah disaring, di mana **20 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **13. KLUSTER TAPAK BINA BUKIT SEBUKOR**

Kluster tempat kerja ini melibatkan sebuah tapak binaan di daerah Melaka Tengah, Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-165293) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Januari 2021 hasil saringan kontak rapat. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Bukit Sebukor, Melaka Tengah. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 113 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **14. KLUSTER JALAN USAHA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Melaka Tengah, Alor Gajah, dan Jasin di Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-161674) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada tempat kerja kes indeks iaitu di Jalan Usaha, Kawasan Perindustrian Ayer Keroh, Melaka. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 196 individu telah disaring, di mana **36 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **15. KLUSTER SAWMILL LUIT**

Kluster ini melibatkan daerah Maran dan Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-147323) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala dan mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Pekan Sawmill Luit, Maran. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 48 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 16. KLUSTER BUKIT GELUGOR

Kluster ini melibatkan daerah Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-144153) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala dan mempunyai sejarah perjalanan rentas negeri ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti rumah kediaman kes indeks iaitu di Bukit Gelugor, Beserah, Kuantan. Sehingga 20 Januari 2021, sejumlah 102 individu telah disaring, di mana **22 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.